

CNS6581
U GB 25-05 00162 BA776
aab

Mahathir - ISA
ISA TIDAK AKAN DIHAPUSKAN SEPENUHNYA, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 25 Mei (Bernama) -- Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) tidak akan dimansuhkan sepenuhnya tetapi hanya diubah untuk disesuaikan dengan keadaan semasa negara ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata ISA tidak boleh dihapuskan sepenuhnya tetapi ada beberapa perubahan yang diperlukan dalam akta itu, sesuai dengan keadaan negara yang aman.

"Dalam keadaan ini kita perlu berhati-hati kerana jika kita 'lift up the lid' semuanya nanti akan melimpah naik balik. Sekarang ini apabila seseorang tahu ada ISA, dia tak akan buat (perkara yang mengancam keselamatan negara). Apabila tak ada, dia mungkin buat lagi," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita semasa menghadiri Hari Keluarga Kementerian Dalam Negeri (KDN) di Taman Tasik Perdana di sini.

Beliau berkata antara peruntukan yang mungkin dikaji ialah tempoh penahanan yang dikenakan terhadap seseorang yang ditahan menurut ISA. --
lagi.

▼25/05/15-58MST

CNS6584
U GB 25-05 00119 BA777
aab

Mahathir - ISA 2 Kuala Lumpur

"Kajian akan dibuat oleh KDN dan selepas itu saya akan serahkan kepada Kabinet," katanya.

Dr Mahathir berkata keputusan mengkaji semula ISA adalah berikutan keadaan negara yang lebih aman tanpa ancaman komunis dan permusuhan kaum serta tidak ada kegiatan yang tidak bertanggungjawab.

Semalam Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata beberapa peruntukan dalam ISA yang didapati tidak sesuai dengan keadaan negara akan dikaji dan mungkin dimansuhkan.

Mengenai permintaan Kerajaan Britain supaya Malaysia segera menarik balik keputusan menghentikan pemberian kontrak baru kepada syarikat negara itu, Dr Mahathir berkata kerajaan sedang mengkaji perkara itu.

"Sekarang kerajaan belum buat apa-apa keputusan lagi," katanya. -- Lagi.

▼25/05/16-01MST

CNS6604
R GB 25-05 00146 BA783
aab

Mahathir - ISA 3 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata memang benar Britain ada mengemukakan pakej dagangan jangka panjang antara kedua-dua negara dan hubungan dagangan itu tidak terjejas dengan keputusan kerajaan menghentikan pemberian kontrak baru itu.

Katanya, kerjasama peringkat kerajaan adalah seperti biasa dan sektor swasta pula bebas untuk memberi kontrak kepada syarikat Britain.

Beliau berkata kerajaan juga gembira dengan ketiadaan pengarang Sunday Times, Andrew Neil dalam media Britain dan pemindahannya ke sebuah stesen televisyen di New York dianggap sebagai "kena buang".

Dr Mahathir berkata walaupun Neil mendakwa beliau akan menggunakan stesen itu sebagai tempat baru, kononnya untuk mendedahkan kegiatan rasuah di Kuala Lumpur, dia tidak akan berjaya.

"Sebenarnya dia kena buang. Dia boleh korek lagi, tapi semua orang tidak akan percaya kepadanya. Dan semua orang kata...itu "personal vendetta" (dendam peribadinya)," kata beliau. -- Lagi.

▼25/05/16-38MST

CNS6607

R GB 25-05 00155 BA784

aab

Mahathir - JSA 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Terdahulu Dr Mahathir bersama isterinya Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamed Ali meluangkan masa kira-kira dua jam bersama-sama kakitangan KDN dengan menyaksikan acara sukaneka serta melawat pameran.

Dr Mahathir yang juga Menteri Dalam Negeri turut mengambil bahagian dalam pertandingan "Golf VIP" yang diadakan khusus untuk tetamu khas.

Hari Keluarga anjuran bersama Puspanita Cawangan KDN dan Kelab Kebajikan dan Sukan KDN itu dirasmikan oleh Ketua Setiausaha KDN Datuk Abdul Rahim Haji Din.

Sebanyak 17 gerai pameran oleh agensi dan jabatan di bawah kementerian itu, 10 gerai kraftangan dan 13 gerai makanan menyertai sambutan Hari Keluarga yang diadakan setiap tahun itu.

Yang turut hadir Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Megat Junid Megat Ayob, Setiausaha Parlimen kementerian itu Encik Ong Ka Ting dan Ketua Pengarah Penjara Malaysia Datuk Mohamed Zaman Khan. -- Bernama

HS SN NMO

▼25/05/16-41MST